

MASOC optimis semua venue Sukan SEA 2017 siap

Oleh Khairil S Iswan

mkhairil@bh.com.my (mailto:mkhairil@bh.com.my)

Share

Tweet



Share



SHAIFUL Subhan (dua dari kiri) diberi penerangan oleh Eksekutif Naza TTDI, Ahmad Nizam Ahmad Basuki (kanan) ketika lawatan oleh Seketeriat jawatankuasa pengelola (MASOC) Kuala Lumpur 2017 berhubung bangunan MITEC (Malaysia International Trade and Exhibition Centre) yang menjadi salah satu venue pertandingan, Pusat Media Utama dan Pusat Penyiaran Antarabangsa untuk Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. -Foto NSTP/Osman Adnan

KUALA LUMPUR: Ketua Pegawai Operasi (COO) Jawatankuasa Pengelola Sekretariat Sukan SEA 2017 (MASOC), Shaiful Subhan optimis semua venue terutama hab-hab utama akan bersedia sepenuhnya menjelang temasya serantau berkenaan, Ogos depan.

Shaiful berkata demikian ketika ditemui selepas lawatan ke Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang juga hab kedua terbesar selepas Kompleks Sukan Bukit Jalil dan menjadi venue kepada lapan jenis acara sukan.

"Lawatan ini bertujuan memastikan satu daripada venue utama bersiap sedia bagi Sukan SEA kelak dan setakat ini kami amat berpuas hati dengan perancangan dan kerja-kerja berjalan seperti dijadual, khususnya di MITEC.

"MITEC dari sudut pembinaan sudah siap, cuma kerja-kerja akhir memerlukan perincian. Kami yakin apabila menjelang temasya kelak, semua kerja-kerja berkaitan dengan Sukan SEA akan siap sepenuhnya," kata Shaiful, hari ini.

Shaiful berkata, sekalipun MASOC menjangkakan semua venue bagi Sukan SEA 2017 atau dikenali KL 2017 akan siap sepenuhnya pertengahan tahun ini iaitu kurang dua bulan sebelum temasya itu berlangsung, dia yakin tiada masalah berbangkit dan yakin setiap venue akan sempat diuji.

"Kami difahamkan segala-galanya siap pada pertengahan tahun sebelum kami dapat buat persiapan Sukan SEA. Bagi saya tempoh itu mencukupi kerana kami sudah ambil kira dalam jadual kami dan jadual persiapan atlet.

"Di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), bangunannya memang sudah siap manakala di Kompleks Sukan Bukit Jalil, mereka mengatakan semua kerja naik taraf akan siap pada Julai dan berjalan seperti dirancang."

Lapan jenis sukan yang dipertandingkan di MITEC ialah tinju, lawan pedang, gimnastik (artistik dan gimrama), hoki dalam dewan, muay thai, ping pong, bola tampar dan angkat berat.

Tujuh acara sukan bagi Para ASEAN pula ialah boccia, catur, goalball, para powerlifting, ping pong, bola tampar duduk dan bola keranjang kerusi roda.

Selain lapan acara sukan, MITEC juga akan menjadi hab komunikasi bagi KL 2017 apabila turut menempatkan Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) dan Pusat Media Utama (MPC).